

Tak sanggup tanggung rugi

Banjir kilat susahkan penduduk, projek pembinaan didakwa jadi punca

IZWAN ROZLIN

SUBANG – Banjir kilat yang didakwa disebabkan pembangunan di Jalan PKNS, Kampung Melayu Subang dekat sini semakin kritikal.

Mana tidaknya, setiap kali hujan penduduk terpaksa menanggung musibah banjir kilat berlumpur yang teruk disebabkan masalah itu.

Penduduk, Hasnah Hassan, 45, berkata, masalah tersebut timbul disebabkan kerja pembinaan di sebuah tapak pembinaan kediaman 200 meter dari kawasan rumahnya.

“Setiap kali hujan saya sekeluarga terpaksa bersedia letak kain buruk banyak-banyak depan pintu rumah untuk halang air daripada masuk,” katanya.

Menurutnya, kawasan rumahnya akan diselaputi lumpur dan selut yang melimpah keluar dari longkang yang disalurkan di kawasan perumahannya.

“Letihnya kami di sini hari-hari kena mengemas, persoalannya sampai bila kami akan terus begini,” katanya.

Tinjauan *Sinar Harian* ke lokasi itu kelmarin mendapati, hampir sebahagian besar lorong yang menghubungkan lapan rumah di situ di-



Salah satu lorong di Jalan PKNS ini akan ditenggelami air setiap kali hujan.

genangi air.

Bagi pesara polis, Md Adnan Rahmat, 61, berkata, dia terpaksa mengeluarkan belanja untuk membina tembok bagi menghalang air memasuki kawasan rumahnya.

“Air itu mengalir deras jadi bagi mengelak air masuk ke dalam rumah, saya kena bina tembok penahan,” katanya yang tinggal di situ sejak

empat tahun lalu.

Menurutnya, setakat ini penduduk di situ sebulat suara mahu longkang konkrit dibina bagi menggantikan longkang tanah yang dibina pemaju perumahan berhampiran sebelum ini.

“Longkang tanah ini lama-lama nanti akan dilitupi semak dan batu, jadi kalau bina longkang konkrit

masalah seperti ini dapat dikurangkan,” katanya.


Takut tinggal rumah

Bagi Zainudin Zakaria, 47, berkata, banjir kilat tidak akan berlaku jika semua pihak berganding bahu menyelesaikan masalah itu.

“Kami di sini jadi takut untuk tinggalkan rumah tambahan musim



HASNAH



ZAINUDIN

hujan sekarang ini, takut bila banjir barangan dalam rumah tidak sempat diselamatkan,” katanya.

Menurutnya, penduduk dan pemilik tanah di situ akan mengemukakan surat rasmi kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) dan pihak berkaitan lain bagi mengatasi masalah banjir di situ.

Pejabat Dun beri sumbangan

Sementara itu, Pejabat Dewan Undangan Negeri (Dun) Kota Damansara memberikan sumbangan kepada mangsa banjir kilat di kawasan itu.

Setiausaha Sulit Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kota Damansara, Abdul Aziz Dahlan berkata, sumbangan yang diberikan sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban mangsa banjir kilat di situ.

“Satu sesi dialog dan pertemuan perlu diadakan yang dihadiri semua pihak terlibat bagi mengatasi masalah ini,” katanya.



Abdul Aziz (kiri) meninjau kawasan terjejas bersama anggota penguat kuasa MBSA.



Md Adnan menunjukkan tembok yang terpaksa dibina mengelilingi rumahnya bagi mengelak air daripada masuk.